

BERITA HARIAN

DATE: 1/6/2010

Tiga kapal PGPO mungkin diarah berpatah balik

PUTRAJAYA: Penaung Perdana Global Peace Organization (PGPO), Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, tiga kapal tajaan PGPO meneruskan pelayaran ke Semenanjung Gaza untuk menghulurkan bantuan kemanusiaan tetapi akan mengarahkan mereka berpatah balik, jika ada halangan daripada tentera Israel.

Beliau berkata, PGPO menghantar tiga kapal untuk menyertai konvoi Flotilla Pembebasan bagi menghantar bantuan kemanusiaan termasuk perubatan dan bahan binaan kepada penduduk Gaza.

"Misi bantuan PGPO diketuai oleh Matthias Chang, selain dua lagi wakil PGPO iaitu Shamsul Akmar Musa Kamal dan Ahmad Faizal Azumu. Mereka menaiki kapal kargo yang membawa bantuan perubatan untuk penduduk Gaza. Turut serta dalam misi yang mendapat tajaan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor ialah Ahli Parlimen Parit, Mohd Nizar Zakaria, wartawan dan jurugambar TV3, iaitu Halim Mohamed dan Mohd Jufri Judin," katanya semalam.

Tentera Israel semalam menyerang satu daripada ka-



Dr Mahathir

pal Turki, *Mavi Marmara* yang dilaporkan turut dinaiki 10 sukarelawan Misi Lifeline 4 Gaza (LL4G) serta wartawan dan jurugambar stesen televisyen Astro Awani, iaitu Ashwad Ismail, 25 dan Shamsul Kamal Latip, 38. Setakat malam tadi, nasib mereka belum diketahui.

Dr Mahathir juga mendesak masyarakat antarabangsa mengambil tindakan tegas terhadap Israel yang menyerang kapal membawa bantuan kemanusiaan ke Gaza.

Beliau berkata, tindakan itu tidak wajar kerana kapal terbabit berada dalam per-

airan antarabangsa dan dinaiki aktivis pelbagai negara yang tidak dilengkapi sebarang senjata tajam seperti dakwaan tentera Israel.

"Saya marah kerana Israel menggunakan senjata api untuk menghalang penghantaran bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza. Walaupun kami sudah menjangkakan halangan daripada tentera Israel, tetapi sama sekali tidak menyangka mereka menggunakan peluru hidup dan kekerasan untuk menyekat usaha penghantaran bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza," katanya semalam.